



**KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA  
DAN TRANSFORMASI AIR**

**TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR  
(PETRA)**

**SEMPENA**

**MAJLIS TVET COMPETENT ST - ENERGY TRANSITION  
CATALYST**

26 Ogos 2024 | Isnin | 11.00 pagi – 2.00 petang  
Le Meridien, Putrajaya

Bismillahirrahmanirrahim

(Salutasi)

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

## **Pendahuluan**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan inayah-Nya jua dapat kita bersama-sama pada pagi ini di **Majlis TVET Competent ST** dengan slogan “**TVET Competent ST, Energy Transition Catalyst**”.
2. Pada kesempatan ini juga saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Suruhanjaya Tenaga kerana mengundang saya untuk menyempurnakan majlis pada hari ini. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran semua pihak khususnya para tenaga pengajar dan para pelajar kita, yang akan menjadi peneraju dalam memangkin peralihan tenaga negara.

## **Melahirkan orang Kompeten dalam industri Hijau**

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Industri tenaga merupakan tulang belakang kepada pembangunan negara. Tanpa bekalan tenaga yang cekap dan berterusan, pembangunan ekonomi, industri dan sosial sesebuah negara akan terjejas, sekaligus memberikan impak negatif kepada pelbagai segmen ekonomi. Oleh itu, menjadi tanggungjawab semua pihak berkepentingan – Kementerian, jabatan kerajaan dan agensi kawal

selia, pihak industri tenaga dan institusi pendidikan, untuk memastikan sektor tenaga mempunyai tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, kompeten dan sentiasa tersedia untuk memenuhi keperluan industri ini.

4. Berdasarkan kepada unjuran peningkatan teknologi peralihan tenaga, negara ini memerlukan seramai **62,000** orang yang kompeten, bagi merealisasikan usaha menggerakkan penjanaan tenaga boleh baharu (TBB) sehingga 70% atau 56 GigaWatt (GW) dalam sektor tenaga pada tahun 2050. Justeru, pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional atau TVET memainkan peranan yang sangat penting dalam melahirkan tenaga kerja yang berdaya saing. Inisiatif Suruhanjaya Tenaga bagi melahirkan orang kompeten menerusi TVET merupakan langkah ke hadapan untuk memastikan para graduan kita bukan sahaja mahir dalam teori, tetapi juga kompeten dalam pelaksanaan praktikal di lapangan.
5. Pengembangan peranan TVET ini sejajar dengan inisiatif di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara atau NETR, dengan membangunkan program kemahiran hijau disamping menambah baik program TVET serta pendidikan tinggi bagi sektor hijau. Justeru, majlis TVET Competent ST ini diadakan bagi memberi pengiktirafan kepada institusi yang ditauliah oleh pihak ST untuk mengendalikan kursus dan peperiksaan kekompetenan bagi elektrik dan gas. Program ini bertujuan untuk mendidik dan mempromosikan keselamatan elektrik dan gas berpaip kepada para pelajar dengan matlamat melahirkan lebih ramai orang kompeten elektrik dan gas, yang bukan sahaja berpengetahuan, berkemahiran, malah berkualiti di pasaran negara.

6. Selain itu, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara juga mampu mewujudkan peluang pekerjaan berimpak tinggi selari dengan keperluan Revolusi Industri 4.0 dalam melahirkan pembangunan modal insan kompeten yang responsif, fleksibel dalam aspek peralihan tenaga dan kemahiran hijau.
7. Saya berharap, dengan adanya inisiatif sebegini, selaras dengan peruntukan kawal selia, ST akan dapat meningkatkan lagi kesedaran di kalangan pihak industri, institusi pendidikan dan kemahiran untuk mengutamakan aspek keselamatan elektrik dan gas berdasarkan Kod, Arahan dan Garis Panduan, dalam mengendalikan kursus dan peperiksaan kekompetenan di institusi masing-masing.
8. Bagi memastikan pembangunan keupayaan dan modal insan yang kompeten untuk menyokong agenda peralihan tenaga, Kerajaan komited untuk terus memperkasakan proses akreditasi sedia ada yang berfokus kepada tenaga boleh baharu. Oleh itu, pelaksanaan Program TVET-ST ini akan mewujudkan rangka kerja yang kukuh bagi pembangunan kekompetenan, pemerakuan dan pentauliahan.

### **Penghargaan kepada Tenaga Pengajar TVET**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. Saya secara peribadi amat menghargai sumbangan dan komitmen para tenaga pengajar TVET yang berusaha mencorakkan dan menerapkan nilai murni dan kemahiran kepada pelajar. Saya yakin, usahasama di antara institusi dan badan kawal selia mampu

melahirkan lebih ramai orang kompeten elektrik dan gas yang terdiri daripada kalangan generasi muda, sekaligus akan memberi manfaat kepada rakyat melalui prospek pekerjaan berkemahiran dan seterusnya menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi negara.

10. Tahniah ST dalam memperkenalkan maskot “**ADAM**”, yang bukan sahaja berperanan sebagai watak adiwira bagi tujuan promosi, malah sebagai rakan pembimbing bagi program TVET Competent ST yang merupakan identiti khas atau ikon ST dalam mempromosikan orang kompeten elektrik dan gas kepada generasi muda khususnya pelajar.

### **Pemeteraian MOU**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Hari ini, kita akan menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) iaitu di antara Suruhanjaya Tenaga dan Energy Commission of Sabah (ECoS). Saya percaya kerjasama dan kolaborasi yang erat di antara badan kawal selia akan mewujudkan persekitaran yang kondusif di dalam industri elektrik dan gas khususnya mewujudkan pengurusan yang efektif dan cekap bagi menjamin keselamatan pengguna di seluruh negara.
12. Pemeteraian MoU ini secara langsung mengharmonikan tadbir urus dan kawal selia dalam perkara-perkara berkaitan kekompetenan, kelengkapan elektrik dan gas antara kerajaan pusat dan kerajaan

negeri, sekaligus meningkatkan menyokong pertumbuhan ekonomi dan kualiti perkhidmatan kekompetenan negara.

13. Saya juga ingin menyarankan agar pihak industri meneroka peluang untuk berdiskusi dan berkolaborasi dengan insititusi pendidikan dan badan kawal selia dalam menjamin peluang kerjaya graduan TVET Competent ST.
14. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis TVET Competent ST, Energy Transition Catalyst.**

Sekian

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Waramatullahi  
Wabarakatuh. Terima kasih.